

Syarat baru orang gaji

BH - 14/5/2006

Malaysia-Indonesia meterai MoU lindungi majikan, pekerja



BALI: Malaysia dan Indonesia semalam menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) berhubung beberapa peraturan baru berkaitan pengambilan pekerja asing dari negara itu dalam sektor pembantu rumah.


Semua peraturan yang terkandung dalam perjanjian itu berkuat kuasa serta-merta bagi pengambilan baru serta bagi pembaharuan permit pembantu rumah dari Indonesia, kecuali yang sedang bekerja.

Perjanjian itu bagi memastikan majikan dan pembantu rumah mendapat hak dan perlindungan sewajarnya melalui kontrak yang mereka tandatangani terutama membabitkan soal kadar dan pembayaran gaji, jaminan sosial, pemeriksaan kesihatan serta cuti.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatnya, Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono sempena kehadiran mereka pada Sidang Kemuncak Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8) kelima yang berakhir di sini, semalam.

Antara kandungan perjanjian yang dipersetujui itu, kadar gaji maksimum tidak ditetapkan, tetapi majikan dan pekerja perlu bersetuju kadar gaji diberikan sebelum menandatangani kontrak.

Berhubung pemberian cuti pula, pembantu rumah tidak diberikan cuti tetap seperti pekerja dalam sektor lain kerana mereka menjadi sebahagian daripada keluarga dan pada dasarnya akan dibawa bersama ke-



DETIK BERSEJARAH: Abdullah bersama-sama pemimpin D8 mendengar ucapan pembukaan daripada Presiden Indonesia Dr Susilo Bambang Yudhoyono pada majlis pembukaan Sidang Kemuncak Kelima D8 di Westin Resort Bali, semalam.

“*Sistem kewangan Islam yang dilaksanakan Malaysia terus berkembang pesat, malah dipraktikkan di 60 negara lain termasuk negara gergasi ekonomi*”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

tika majikan bercuti ke sesuatu destinasi.

Pada majlis menandatangani perjanjian itu, Malaysia diwakili Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, manakala Indonesia diwakili Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia, Erman Suparno.

Perjanjian itu buat pertama kali dapat direalisasikan selepas beberapa rundingan diadakan antara kedua-dua pihak pada peringkat menteri dan pegawai kanan serta Abdullah dan Susilo pada pertemuan mereka Januari lalu.

Bagaimanapun, berhubung pe-

ngambilan pembantu rumah yang ketika ini dibuat melalui ejen sama ada di Malaysia atau di Indonesia, majikan juga boleh mengambil secara terus selepas mendapat kelulusan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pihak berkuasa di Indonesia.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucapan utama pada pembukaan Sidang Kemuncak D8 kelima peringkat ketua negara, di sini, Abdullah mahu anggota Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8) meningkatkan penggunaan sistem kewangan Islam sebagai antara mekanisme utama kemajuan dan pembangunan umat Islam sejagat.